

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**DI MAJLIS PERAYAAN 20 TAHUN KEMENTERIAN TENAGA, KOMUNIKASI DAN**  
**MULTIMEDIA DAN PELANCARAN AKTA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA 1998**  
**(AKTA 588), KUALA LUMPUR**  
**31 MAC 1999**

-----

Y.B. Dato Leo Moggie, Menteri Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia Dan Y.Bhg. Datin Elizabeth Moggie,

Y.B. Menteri-Menteri Dan Isteri, Saudara/Saudari,

Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah rahmat dan izinnya, dapat saya hadir bersama di majlis yang bersejarah ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak jawatankuasa perayaan 20 tahun Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dan pelancaran akta komunikasi dan multimedia 1998 kerana menjemput saya ke majlis ini.

2. Dua puluh tahun yang lalu, sekiranya ada yang bercerita mengenai internet dan bagaimana kita dapat menjelajah hampir seluruh dunia tanpa bergerak dari kerusi; atau mengenai telefon bimbit yang hanya selebar tapak tangan; atau pun mengenai penghantaran surat yang menggunakan talian telefon atau elektronik, mungkin tidak siapa yang akan percaya. Mungkin pula ada yang mengatakan semuanya hanyalah angan-angan Mat Jenin.

3. Begitu juga keadaannya jika, dua puluh tahun yang lalu, ada yang bercerita bahawa, suatu masa nanti, keseluruhan hidup kita, samada di rumah, di pejabat atau pun semasa berekreasi, akan bergantung kepada tenaga elektrik, mungkin ramai orang yang juga tidak akan percaya.

4. Hari ini kita merayakan pencapaian dan kemajuan 20 tahun dalam Industri Tenaga, Telekomunikasi Dan Pos Negara Malaysia. Apa yang dapat dilihat membuktikan bahawa semua itu bukan hanya mimpi di siang hari tetapi telahpun menjadi suatu kenyataan. Kejayaan ini hanya dapat dicapai kerana kita berpandangan jauh serta mempunyai keupayaan dan keazaman bergerak bersama untuk mengubah visi kepada realiti. Walau bagaimanapun, saya percaya 20 tahun yang akan datang merupakan suatu tempoh yang lebih mencabar lagi.

5. Rahsia kejayaan yang berterusan adalah terletak pada tema perayaan kita malam ini, iaitu bersama melangkah ke hadapan - ataupun striding forward together. Saya bangga melihat penggubal dasar, pihak pengawalselia, peserta-peserta utama industri dan wakil-wakil pengguna hadir bersama pada malam ini untuk memberi pengiktirafan kepada kejayaan yang telah sama-sama diperjuangkan. Kesemua pihak inilah yang menjadi pengasas serta pencipta yang, bersama-sama, akan menentukan masa depan generasi baru pembina negara Malaysia, iaitu anak-anak kita.

Saudara/Saudari,

6. Malaysia mempunyai prospek dan peluang untuk menjadi pusat komunikasi dan multimedia utama dunia. Pada hakikatnya, kemampuan kita menguasai teknologi informasi dan komunikasi yang baru menjadi penentu kepada kemajuan dan

pembangunan ekonomi negara, serta peningkatan kualiti hidup yang pesat. Saiz negara kita yang kecil tidak lagi suatu perkara yang penting. Cabaran-cabaran yang kita hadapi mendesak supaya penggubal-penggubal dasar bersifat inovatif dan dinamik. Kita perlu bersaing di peringkat antarabangsa dengan yang terbijak dan yang terbaik. Pada bahu penggubal-penggubal dasar terletak tanggungjawab bagi memastikan supaya semua rakyat malaysia diberi setiap peluang dan insentif untuk menggunakan secara bijak alat- alat baru zaman informasi. Pihak penggubal dasar perlu mewujudkan persekitaran dasar awam yang menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia serta memudahkan pembangunan pasaran elektronik di mana potensi dagangan dan pelaburan adalah tidak terhad.

7. Kita telahpun mengambil langkah yang tegas ke arah ini. Pada malam ini kita melancarkan akta komunikasi dan multimedia 1998, yang merupakan perundangan unggul dalam usaha global untuk menangani isu-isu yang berbangkit daripada percantuman industri-industri telekomunikasi, pengkomputeran dan penyiaran. Walau bagaimanapun, pengenalan perundangan siber ini bukanlah merupakan matlamat terakhirnya. Ia adalah langkah pertama, meskipun suatu langkah yang amat penting. Langkah selanjutnya memerlukan semua industri berkenaan bergerak bersama untuk membina suatu persekitaran perundangan yang komprehensif lagi dinamik. Garispanduan, peraturan, kod dan lain-lain keperluan kawalseliaan yang kita perkenalkan hari ini perlu untuk membolehkan kita bergerak melangkah ke hadapan.

Saudara/Saudari,

8. Saya percaya masa depan bagi penggubal-penggubal dasar amat mencabar dan memberangsangkan. Adalah perlu bagi pihak penggubal dasar mempunyai visi, kebijaksanaan, perancangan yang baik dan kreatif untuk menghadapi cabaran-cabaran dunia komunikasi dan multimedia yang sentiasa berubah dan mengubah. Pada masa yang sama, pihak penggubal dasar perlu mencari cara-cara bagaimana hendak menggalakkan pembangunan produk dan perkhidmatan yang baru dalam bidang pendidikan, hiburan, informasi, kesihatan dan lain-lain lagi, sambil mengekalkan sistem nilai serta identiti kita yang istimewa. Sementara pihak penggubal dasar memudahkan pembangunan kandungan tempatan, kita juga mesti pastikan yang kandungan tempatan ini memelihara budaya dan adat resam yang unik yang ada dalam masyarakat majmuk di malaysia ini. Identiti nasional kita adalah merupakan satu-satunya sumber yang amat penting, yang mengikat dan menyatupadukan kita dalam kita melangkah bersama ke hadapan untuk menghadapi dunia yang sentiasa berubah- ubah.

Ladies and Gentlemen,

9. I see a very exciting and challenging time ahead for policy makers. You will need vision, wisdom, good planning and creativity to respond to the challenges of the constantly changing communications and multimedia world. At the same time, you will have to find a way to encourage the development of new products and services in education, entertainment, information, healthcare and other areas, while maintaining our own value systems and our own identity. Regulators have no less a responsibility in ensuring that we maintain our commitment to the basic principles of transparency, fairness, healthy competition and industry self- regulation. You will need to look beyond the traditional, heavy handed role of the regulator, to a far more innovative approach, one that encourages and facilitates the growth of the industry.

10. Walaupun tekanan diberi kepada persaingan dan kuasa- kuasa pasaran sebagai suatu cara menggalakkan teknologi komunikasi dan multimedia, pihak kawalselia perlu juga menjaga kepentingan pengguna. Ini bertujuan memastikan yang mereka mempunyai akses dan pilihan kepada produk dan perkhidmatan bertaraf dunia pada harga yang berpatutan. Pada asasnya, percantuman akan mewujudkan struktur pasaran baru serta peluang untuk promosi produk dan perkhidmatan yang bersilang. Oleh yang demikian pihak kawalselia perlu mewujudkan keseimbangan terbaik antara pertimbangan komersil dan tanggungjawab sosial.

11. Kita berhasrat untuk mewujudkan pengawalseliaan sendiri industri pada tahap yang sewajarnya, terutamanya di pihak pemberi perkhidmatan dan pengguna kandungan. Dalam hal ini, adalah jelas bahawa setiap pihak yang terlibat perlu dibawa bersama dalam dialog dan perundingan yang bermakna dan berkesan supaya negara dan masyarakat, umumnya, mendapat manfaat. Di sinilah pihak pengawalselia akan menghadapi cabaran yang terbesar serta membawa impak yang terbaik.

Saudara/Saudari,

12. Peserta-peserta industri komunikasi dan multimedia pula merupakan bahagian teras dalam paradigma baru membuat keputusan melalui konsensus dan perundingan. Pihak peserta industri perlu mempunyai visi serta kemampuan untuk membawa perubahan, bukan hanya dari segi ekonomi, tetapi juga dalam kehidupan semua rakyat Malaysia.

Ladies and Gentlemen,

13. My message to these communication and multimedia industries is simple: take the lead. What this involves, however, is far from simple. On it depends the future of our nation. It will take enormous investments in terms of time, talent and technology. Mental barriers will have to be overcome just as quickly as the communications technologies dismantle geographical barriers.

14. You need to cooperate locally with other Malaysian industry players in order to compete globally. In fact, not just compete but lead. Pool your resources; share expertise and experience; develop smart partnerships and build up win-win relationships with policy makers, regulators, other industry players and consumers.

15. Kita perlu bermula hari ini untuk mewujudkan suatu generasi pembina negara yang kaya maklumat, pintar teknologi, berpandangan antarabangsa serta lengkap dengan kepakaran bisnes. Antara lain, pihak industri perlu membekalkan produk dan perkhidmatan yang melebihi sempadan-sempadan pendidikan; membekalkan latihan dan kemudahan yang menggalakkan gaya kerja zaman informasi; dan menyokong pembangunan infrastruktur komunikasi di institusi pendidikan; pada harga yang berpatutan.

16. Manusia merupakan sumber semulajadi yang paling penting. Potensi sepenuhnya setiap individu adalah pada tahap yang paling kritikal. Skop persaingan yang dihadapi menjadikannya penting bahawa kita, secara bersama-sama, mencari cara-cara menghidupkan potensi ini. Kita perlu menggunakan bakat serta kemampuan setiap warganegara Malaysia. Teknologi komunikasi dan multimedia boleh memberi kuasa kepada individu melalui akses yang mudah kepada pelbagai produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

Saudara/Saudari,

17. Setiap kita pada hari ini, melalui keputusan dan tindakan yang diambil, akan membawa kesan, secara langsung atau tidak langsung, kepada masa depan serta dunia anak-anak kita. Saya nampak suatu negara yang bersama melangkah ke hadapan, teguh, yakin dan bijak. Saya juga nampak rakyat yang kaya dengan pengetahuan, dan pakar dari segi teknologi. Marilah kita berikrar bersama-sama bahawa kita akan berusaha untuk membina suatu negara di mana wujud akauntabiliti setiap individu dan di mana keadilan dan kesaksamaan akan berkekalan.

Terima kasih.